

# Majikan gulung tikar jika levi tinggi – MEF

Oleh SUHANA MD. YUSOP  
suhana.yusop@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** – Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) melahirkan rasa bimbang industri yang bergantung kepada sumber tenaga asing akan gulung tikar jika kerajaan menaikkan levi terlampau tinggi.

Menurut Pengarah Eksekutifnya, Shamsuddin Bardan (**gambar**), para majikan khususnya yang memerlukan tenaga kerja yang ramai pasti terbeban dengan kadar levi yang tinggi.

Katanya, pada masa kini, majikan membayar levi berjumlah RM4 bilion setahun dan sebarang kenaikan akan menyukarkan operasi industri di negara ini.

“Malah kita amat bimbang apabila ada

khabar angin mendakwa levi itu akan dinaikkan sebanyak empat kali ganda berbanding sekarang. Jika begini majikan perlu membayar levi RM16 bilion setahun.

“Keadaan itu boleh menyebabkan industri yang ada di negara ini memindahkan operasi mereka ke negara lain yang kos buruhnya lebih murah,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.



Beliau mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai hasrat kerajaan untuk menaikkan kadar levi pekerja asing mengikut sektor mulai tahun depan dalam usaha mengurangkan kebergantungan negara kepada tenaga kerja asing.

Ketika ini terdapat kira-kira 1.8 juta pekerja asing berada di negara ini manakala dianggarkan kira-kira 1.8 juta lagi pekerja

asing bekerja secara haram.

Shamsuddin berkata, MEF pada dasarnya menyokong usaha kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan pekerja asing tetapi pendekatan menaikkan kadar levi adalah suatu yang kurang adil kepada para majikan.

“Kerajaan perlu faham, mereka (majikan) menggunakan pekerja asing kerana tiada pilihan dan keadaan yang memaksa ekoran tidak ada pekerja tempatan yang ingin bekerja,” ujarinya.

Menurut Shamsuddin, sekiranya pekerja tempatan cukup untuk menampung keperluan, majikan tidak akan menggunakan pekerja asing dan apa yang berlaku sekarang ialah majikan tidak mempunyai pilihan lain.

Beliau berkata, kenaikan itu mungkin akan turut mengakibatkan negara kehilangan pelabur ekoran kos perniagaan yang semakin meningkat selain kurangnya daya saing.